



## MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS SAMBUTAN HARI WANITA SEDUNIA  
2019 PERINGKAT PULAU PINANG

### OLEH

YANG AMAT BERBAHAGIA  
TOH PUAN DATO' SERI UTAMA HAJAH MAJIMOR  
BINTI SHARIFF

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**08 MAC 2019 (JUMAAT)**  
**9.00 PAGI**

**DEWAN SP ARENA**  
**SEBERANG JAYA**

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Hajah Majimor Binti Shariff**

**Yang Berhormat Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin**

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

**Yang Berhormat Puan Chong Eng**

Exco Pembangunan Wanita dan Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam

**Ahli-Ahli Yang Berhormat**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmud**

Setiausaha Perbandaran MPSP

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai**

Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri Pulau Pinang

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Assalamualaikum warahmatullahhi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis

**Sambutan Hari Wanita Sedunia 2019 Peringkat Negeri Pulau Pinang,** anjuran bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Penang Women's Development Corporation (PWDC) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Tema Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang pada tahun ini adalah "**Seimbang Untuk Sejahtera**".

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian dan sokongan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama dalam menyempurnakan Majlis Sambutan Hari Wanita Sedunia 2019 Peringkat Negeri Pulau Pinang pada pagi ini.

Kehadiran Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama amat bermakna bagi kami. Semoga Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama dan seisi keluarga sentiasa di bawah naungan rahmat Tuhan dan dikurniakan kesihatan dan keselamatan yang berpanjangan, dilimpahi

rahmat, mendapat magfirah, diberkati usia, sihat tubuh badan dan dimurahkan rezeki.

Tidak lupa juga sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di atas kesudian Yang Berhormat Menteri hadir untuk menyampaikan Ucapan Perdana di Majlis ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada Yang Berhormat Puan Chong Eng, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Pembangunan Wanita Dan Keluarga, Keterangkuman Gender Dan Agama Selain Islam, Pengerusi PUSPANITA Negeri Pulau Pinang Datin Seri Hajah Hamidah Binti Daud, Pengerusi PUSPANITA MPSP Datin Hajah Che Limah Bt Hj Ujang, dif-dif terhormat, semua kakitangan-kakitangan perkhidmatan awam dari Jabatan dan Agensi Negeri dan Persekutuan yang sudi melapangkan masa bagi menghadirkan diri untuk merayakan Majlis Sambutan Hari Wanita Sedunia 2019 pada hari ini. **Selamat datang diucapkan dan sokongan para hadirin pada hari ini amat kami sanjung tinggi.**

**Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama, Ahli-Ahli Yang**

**Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Hari Wanita Sedunia disambut setiap tahun sebagai platform bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai peranan penting yang dimainkan oleh kaum wanita, menghargai dan mengiktiraf kejayaan yang diperoleh golongan wanita di seluruh negara tanpa mengira latar belakang, etnik, bahasa, ekonomi sekalipun politik di samping sebagai perangsang kepada kaum wanita untuk terus bergiatan aktif kearah pembentukan keluarga, perpaduan dan pembangunan masyarakat dan negara.

Sempena sambutan Hari Wanita Sedunia, saya memohon keizinan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama untuk melaporkan tindakan yang telah diambil oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai dalam melaksanakan **Keterangkuman Gender** melalui Bajet Responsif Gender dan Partisipatori atau *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB). Keizinan Yang Amat Berbahagia Toh Puan di pohon.

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah bekerjasama dengan *Penang Women's Development Corporation* (PWDC) sejak tahun 2012. Pelaksanaan GRPB adalah untuk memastikan setiap sen yang

dibelanjakan hendaklah berorientasikan rakyat dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat. MPSP juga komited untuk memastikan kesaksamaan gender dalam setiap program pembangunan.

Justeru, MPSP telah menyediakan bajet tahun 2019 dengan menggunakan pendekatan GRPB iaitu dengan menjalankan soal selidik bajet pada 1 Februari hingga 31 Mac 2018 yang lalu. Jumlah responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini adalah 12,333 orang iaitu 1.2% daripada jumlah penduduk di Seberang Perai. Jumlah responden lelaki adalah 6,202 orang iaitu 50.3% berbanding jumlah responden wanita adalah 6,131 orang iaitu (49.7%).

Mulai tahun 2015, hasil daripada kajian GRPB Penang Model, MPSP telah memberi kontrak kerja pembersihan di Rumah Pangsa PPR Ampangan, Ampang Jajar kepada penduduk Rumah Pangsa PPR Ampangan itu sendiri. Ini telah membolehkan MPSP mewakilkan kuasa dan memperkasakan rakyat (*delegation and empowerment*) dalam menentukan persekitaran mereka yang lebih bersih. Penduduk telah membuktikan keupayaan mereka, oleh itu mulai tahun 2017 hingga kini, MPSP telah memberi kontrak keselamatan kepada penduduk PPR Ampangan supaya mereka memiliki “*sense of belonging*” dalam meningkatkan tahap keselamatan dalam kawasan yang mereka diami.

**Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama, Ahli-Ahli Yang**

**Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Pada tahun 2018, MPSP sekali lagi telah mengorak langkah mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan B40. Kontrak pembersihan dan landskap di Pulau Aman telah diberi kepada komuniti melalui Kelab Wanita Aktif dan Cergas selama dua (2) tahun dengan bayaran bulanan sebanyak RM11,500.00. Jumlah pekerja yang menjalankan kerja-kerja pembersihan dan landskap adalah seramai 12 orang iaitu seramai enam (6) orang pekerja wanita dan enam (6) orang pekerja lelaki. Saya telah melakukan *Management By Walking Around* pada 20 Februari 2019 mendapati tahap kebersihan di Pulau Aman sangat baik. Persekitaran yang bersih dapat menggantikannya lebih ramai pelancong mengunjungi Pulau Aman untuk menikmati keindahan flora dan fauna di samping menjalankan aktiviti-aktiviti santai di sini.

Pada tahun 2018, MPSP juga telah menjalankan kerja-kerja menaik taraf klinik / bilik suntikan pengendali makanan. Sebelum kerja-kerja menaik taraf dilaksanakan MPSP telah mengambil pendekatan GRPB dan hasilnya *stakeholder* mahukan bilik suntikan pengendali makanan disediakan di Kaunter Berpusat dan klinik di tingkat M dijadikan bilik suntikan pengendali

makanan untuk syarikat atau pengilang yang mengadakan temujanji dengan bilangan kakitangan seramai lima (5) orang ke atas.

**Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Di samping pelaksanaan projek, terdapat banyak perubahan positif telah dilaksanakan seperti penyediaan taska di Menara MPSP, penyediaan dua belas (12) tempat letak kereta bagi wanita mengandung, tiga puluh (30) tempat letak kereta bagi ibu dan bapa yang membawa anak untuk dihantar ke taska yang terdapat di Menara MPSP dan penyediaan bilik laktasi untuk kegunaan orang awam atau kakitangan wanita di MPSP. Kemudahan untuk orang kurang upaya (OKU) juga telah dititikberatkan seperti kemudahan tandas OKU di Kaunter Berpusat, penyediaan *ramp*, *railing*, penyediaan tempat letak kereta OKU dan lain-lain.

Di samping itu, MPSP juga telah mengadakan perbincangan berkaitan agihan Pembantu Awam termasuk Pembantu Awam Wanita dan OKU bagi menetapkan penempatan mengikut kesesuaian tempat kerja. Ini bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pekerja lebih terjamin.

MPSP juga telah dijemput untuk membentangkan “*GRPB Penang Model*” di peringkat antarabangsa sebagai speaker iaitu di Bhutan dihadiri oleh Puan Norliza Binti Abdullah pada tahun 2013, di Cambodia dihadiri oleh Puan Norshazila Binti Alias dan Encik Mohd Ubaidillah Bin Abdullah pada bulan September 2016, di Beijing dihadiri oleh Ahmad Syahrir Bin Jaafar pada bulan November 2016 dan di Hong Kong pada bulan Januari 2017 dihadiri oleh dua (2) orang pegawai gender MPSP. Pada Oktober 2018, Puan Ir Hajah Rosnani Binti Hj Mahmod, Setiausaha Perbandaran MPSP, Puan Norshazila Binti Alias, bersama Yang Berhormat Puan Chong Eng, Exco Pembangunan Wanita dan Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam dan pasukan kerja GRPB telah mengadakan lawatan kerja ke Berlin, German untuk mempelajari pelaksanaan GRPB dan *woman empowerment*. Perkongsian amalan baik antara bandaraya atau *City to city best practices sharing* sangat berfaedah dalam meningkatkan keyakinan pegawai dan pembinaan modal insan.

**Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato’ Seri Utama, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

MPSP telah bertekad untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan dengan menyediakan budget berpaksikan rakyat 2019 atau *people centric budget 2019*. Justeru, bagi memastikan setiap perolehan

dibuat mencapai ke arah “*people centric*”, setiap kertas kelulusan tender, sebutharga atau pembelian runcit hendaklah dimasukkan elemen gender serta mengguna pakai senarai semak GRPB (*GRPB checklist*). *GRPB checklist* serta elemen gender dimasukkan dalam kertas kelulusan adalah bagi memastikan penginstitusian GRPB dapat direalisasikan di MPSP dan merupakan yang pertama dilakukan oleh Jabatan Kerajaan di Malaysia.

Sukacita dimaklumkan hasil perbincangan antara MPSP dan pihak PWDC, pertandingan Anugerah Wira GRPB atau *GRPB Champion Award* telah berjaya dilancarkan pada 27 Februari 2019. Pertandingan ini bertujuan bagi membudayakan pelaksanaan GRPB di semua Jabatan dan merupakan Anugerah Wira GRPB yang pertama diadakan diMalaysia.Pertandingan ini akan memberi motivasi untuk mengarus pedanakan GRPB di MPSP.

Saya berharap tema “Seimbang Untuk Sejahtera”atau *Balance For Better* sempena Sambutan Hari Wanita Sedunia 2019 Peringkat Negeri Pulau Pinang akan menyemarakkan lagi pelaksanaan Dasar Keterangkuman Gender Negeri Pulau Pinang iaitu “Kelompok Berlainan Keperluan Berbeza” atau “*Different People, Different Needs*”, yang baru dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Tuan Chow Kon Yeow pada 7 Mac 2019 iaitu semalam. Pulau Pinang satu- satunya negeri

yang mempunyai dasar keterangkuman gender, kita harus member tempukan kepada Exco yang terlibat Yang Berhormat Puan Chong Eng.

Saya juga menyeru kepada para hadirin sekalian dan warga Seberang Perai untuk terus membantu MPSP dalam menjadikan Seberang Perai lebih bersih dan hijau serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan tagline MPSP iaitu “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**”.

Akhir kata, saya memohon maaf khususnya kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato’ Seri Utama jika ada ketelanjuran kata, salah bicara sepanjang ucapan ini. Terima kasih di atas kesudian Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato’ Seri Utama hadir pada pagi ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, PWDC dan semua pihak atas kerjasama dan sokongan yang diberikan untuk menjayakan program ini.

**Sekian,**

***WabillahiTaufikWalHidayah,  
WassalamualaikumWarahmatullahiWabarakatuh.***

**Terimakasih**